


# YANG JELIK



ADA pihak yang masih tidak sedar dan tidak bertanggung-jawab dengan mengambil langkah mudah membuang sampah-sarap di tebing dan ke dalam sungai.

Perbuatan ini bukan sahaja mencemarkan pemandangan, malah air sungai serta menyekat laluan air sekiranya dibiarkan berlarutan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* berdekatan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) berhampiran Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di sini

mendapati banyak sampah dilonggok dan dibuang ke dalam Sungai Kerayong.

Sehubungan itu pihak berwajib perlu lebih kerap memantau perkara ini bagi mengelakkan ancaman ke-selamatan kepada orang ramai.

■ **PIHAK** berwajib perlu mengambil inisiatif membersihkan kawasan sungai bagi mengelakkan kesihatan dan keselamatan orang awam terancam.